

redaksi

Ketua Pengarang NSTP
Datuk Yushaimi Yahaya

Pengarang Eksekutif Kanan
Integrasi NSTP
Saidon Idris

Pengarang Eksekutif
Berita Harian (BH)
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Pengarang Pendidikan
Fadzlena Jafar

Pengarang Berita Pendidikan:
Ridzuan Yop

Penolong Pengarang Berita Pendidikan:
Mohd Zin Mohd Ali

Webmaster Pendidikan:
Shuhazmir Selamat

Penyunting Eksekutif:
Muhammad Fakhri Alias
Rusnita Pechok

Wartawan:
Nor Azma Laila
Basir Zahrom
Faizatul Farhana Farush Khan
Meor Ahmad Nasrin Rizal Ishak

Artis Eksekutif:
Mohd Hakim Ismail
Mohd Zainudin Ismail

Ilustrator:
Khairul Anuar Md Nor (Yon)

E-mel: bhvarsiti.com.my

Pengiklanan
Tel: 1300226787

Berita Harian
Tel: 1300226787 samb 5108
Faks: 03-2056 7081

LANGGANAN
Jabatan Pengedaran dan Jualan
Akhbar NSTP 31, Jalan Riong,
59100 Kuala Lumpur
Emel: educationNSD@
mediaprima.com.my
Samb: 7755
Tel: 03-2724 8999

E-mel atau surat ke alamat:
bhvarsiti@bh.com.my atau
Balai Berita,
31, Jalan Riong, 59100,
Kuala Lumpur

www.bhpendidikan.com.my

bhpendidikan

bhpendidikan



[FOTO HIASAN]

Bidang keusahawanan memberi peluang kepada pelajar menjana pendapatan serta menonjolkan prestasi diri dalam pelbagai aspek.

Pencapaian akademik beri impak positif

Oleh **Nor Azma Laila**
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Setiap pelajar perlu terus berusaha untuk menggenggam segulung ijazah walaupun sudah berjaya dalam perniagaan kerana ia juga menjadi penanda aras terhadap kebolehan siswa dalam bidang yang dipelajari.

Timbalan Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Enterprais Kecil dan Sederhana Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM-CESMED), Prof Madya Sr Dr Norngainy Mohd Tawil, berkata UKM sentiasa menggalakkan pelajar untuk menceburi dunia keusahawanan tetapi dalam masa yang sama memastikan pelajaran mereka tidak terabai sekali gus menjadi contoh kepada pelajar dan masyarakat di luar sana.

Beliau berkata, usahawan siswa yang sudah berjaya tetapi masih mempunyai keazaman untuk memiliki ijazah akan mempunyai kelebihan dari aspek harga diri mereka sekali gus tidak dilabel sebagai gagal dalam pelajaran.

"Saya berpendapat, kebanyakan pelajar yang menceburi dunia perniagaan pada hari ini adalah kerana minat dan keinginan mereka, manakala belajar itu pula satu kewaji-

pan, sekali gus menyebabkan mereka berasa bertanggungjawab untuk memastikan tujuan utama mereka masuk ke universiti itu berakhir dengan segulung ijazah.

"Sudah menjadi lumrah dunia perniagaan, pasti ada turun naik dan sekiranya sebarang perniagaan itu mengalami masalah, pelajar mungkin mempunyai ijazah sebagai bekalan atau sokongan untuk mereka menceburi dunia pekerjaan lain malah mungkin menjadi calon pilihan majikan apabila sudah berpengalaman dalam pelbagai aspek kepemimpinan dan strategi ketika menguruskan bisnes sendiri sebelum ini," katanya ketika dihubungi, baru-baru ini.

Usahawan baharu

Dr Norngainy berkata, setakat ini lebih 600 pelajar UKM menjalankan perniagaan menjual produk dan perkhidmatan manakala tahun ini, seramai 50 pelajar pula terbabit dalam bisnes melalui program Inkubator UKM-CESMED.

Setiap tahun pula, UKM-CESMED berjaya menarik penyertaan seramai 1,000 hingga 1,500 pelajar mengambil bahagian dalam program keusahawanan anjuran pusat berkenaan serta agensi lain yang berkaitan.

Antara program yang dianjurkan oleh UKM-CESMED ialah Keusahawanan Sukan

yang membabitkan penyertaan enam universiti awam (UA) bagi memberi pendedahan mengenai bidang bisnes berkaitan sukan dan Keusahawanan Keluarga yang mengajar pelajar cara untuk meneruskan atau mengembangkan perniagaan warisan keluarga ke peringkat yang lebih tinggi.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Aktiviti Keusahawanan Institut Keusahawanan Universiti Malaysia Kelantan (UMKEI), Wan Mohd Yusuff Wan Ibrahim, berkata meskipun pelajar sudah berjaya dalam perniagaan masing-masing, mereka perlu menggenggam segulung ijazah kerana ilmu itu akan membezakan pelajar dengan usahawan lain yang ada di pasaran.

Katanya, seorang usahawan yang mempunyai latar belakang pendidikan tinggi mampu membuat keputusan berbeza berbanding individu yang tidak mendapat pendidikan formal di universiti kerana mereka didedahkan dengan pelbagai kemahiran ketika belajar di universiti termasuklah aspek perniagaan, komunikasi dan kepemimpinan.

"Selain menggunakan ilmu dan kemahiran yang diperolehi untuk membangunkan perniagaan masing-masing, ia juga menjadi satu bonus dan mampu memberi impak positif kepada keluarga dan masyarakat kerana bukan saja usahawan siswa itu mampu

berjaya dalam perniagaan yang diceburi tetapi juga mempunyai kelayakan akademik yang tinggi.

"Berdasarkan pengalaman mengajar selama lima tahun, saya percaya pada zaman yang serba mencabar ini, usahawan siswa perlu bijak menyeimbangkan antara keperluan akademik dan perniagaan.

"Jika kedua-duanya dapat diseimbangkan pelajar mampu menjadi golongan profesional yang bukan saja berjaya dalam pelajaran tetapi juga mempunyai kredibiliti tinggi dalam perniagaan masing-masing," katanya.

Melalui UMKEI, universiti itu menganjurkan lebih 30 program setahun untuk menggalakkan pelajar menceburi dunia perniagaan dan membantu usahawan siswa sedia ada mengembangkan lagi bisnes mereka ke peringkat yang lebih tinggi.

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) turut membantu pelajar yang berminat menjalankan perniagaan dengan menawarkan pinjaman sebanyak RM1,000 hingga RM5,000 di bawah Skim Pinjaman Mikro Tanpa Faedah kepada usahawan pelajar yang berkecayaan.

Setakat ini, UMKEI sudah menawarkan pinjaman kepada lapan usahawan siswa dan mereka perlu membayar balik pinjaman berkenaan dalam tempoh

info

Jumlah usahawan siswa di universiti tempatan

- UMK – 355 pelajar
- UMT – 215 pelajar
- UPM – 614 pelajar
- MSU – 250 pelajar



Wan Mohd Yusuff Wan Ibrahim

tiga tahun atau sebelum menamatkan pengajian.

Nilai tambah

Pengarah Pusat Keusahawanan dan Kerjaya (CEC), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Shaari Abd Rahman, berkata kelulusan akademik akan menjadi nilai tambah kepada perkembangan sendiri usahawan siswa.

Beliau berkata, pencapaian akademik juga adalah pengiktirafan yang diberikan oleh institusi pendidikan tinggi di atas penat lelah mereka menuntut ilmu selama tiga atau empat tahun di universiti.

Katanya, ramai ahli perniagaan pada hari ini bukan saja memiliki ijazah, malah terus membina kredibiliti mereka dengan mendapatkan pelbagai jenis pensijilan sama ada dari segi akademik atau badan profesional.

"Saya percaya kekayaan yang ada pasti tidak terurus tanpa ilmu yang mantap dan proses pembelajaran di universiti itu mampu memberikan persediaan intelektual kepada usahawan siswa untuk menghadapi fasa kehidupan yang berbeza bagi setiap orang.

"Sehubungan itu, mahasiswa pada hari ini perlu mempunyai latar belakang pendidikan tinggi sebagai persediaan menghadapi cabaran Revolusi Industri 4.0 yang banyak menggunakan teknologi digital," katanya.